

Hakisan semakin teruk disebabkan ombak besar, air pasang besar di Tanjung Gelam, Terengganu

Penduduk bimbang pantai terhakis

KUALA NERUS - Hakisan pantai yang berlarutan sejak 10 tahun lalu di Kampung Tanjung Gelam di sini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat.

Seorang penduduk di situ, Ani Awi, 45, berkata, beliau bersama suami serta anak perempuannya tiada pilihan selain meninggalkan kediaman mereka yang didiami sejak puluhan tahun lalu kerana bimbang dilanda ombak besar.

Katanya, kejadian ombak besar dan air pasang antara waktu Maghrib sehingga pukul 2 pagi semalam menambah lagi kebimbangan mereka sekeluarga.



ZAKI



ANI

"Kami sekeluarga amat takut dengan keadaan ombak dan air pasang besar yang melimpah menghampiri jalan manakala bawah rumah kami pula dipenuhi air.

"Lantas kami mengambil keputusan untuk menyelamatkan diri dengan tumpang bermalam di rumah adik saya di Kampung Pengkalan Atap, kira-kira 10 kilometer dari sini," katanya di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, Zaki Ismail, 53, berkata, sebelum ini terdapat inisiatif daripada beberapa pihak yang membina benteng pemecah ombak di kawasan sekitar namun, ia masih gagal

menangani masalah hakisan berkenaan.

"Saya terkilan kerana keadaan pantai di sini sejauh lebih 100 meter yang sebelum ini amat cantik dan dikunjungi orang untuk bersantai kini lenyap ditelan ombak dan air laut," katanya.

Tambahnya, masalah hakisan sepanjang 600 meter di pesisir pantai di Kampung Tanjung Gelam turut mengancam keselamatan kira-kira 10 buah rumah penduduk di situ.

"Kami amat berharap supaya pihak berwajib memberi perhatian terhadap keluhan kami dan atasi segera masalah hakisan demi keselamatan penduduk," katanya.

SEBUAH rumah penduduk diancam hakisan ekor ombak besar yang melanda Kampung Tanjung Gelam, Kuala Nerus semalam.

